

Projek hartanah pacu pertumbuhan hasil, keuntungan bersih LBS

LBS Bina Group Bhd, pemaju hartanah terkemuka pilihan rakyat, mengumumkan keputusan kewangan tidak diaudit bagi suku ketiga berakhir 30 September 2025 yang menggariskan pelaksanaan projek yang kukuh sambil mengekalkan momentum pertumbuhan berpandukan Strategi 8 x 8.

Bagi suku tahun di bawah tinjauan, kumpulan mencatat hasil RM452.3 juta, peningkatan 19.8 peratus berbanding RM377.4 juta bagi suku yang sama tahun lalu.

Segmen pembangunan harta-

nah kekal sebagai penyumbang hasil terbesar kumpulan dengan 94.8 peratus daripada jumlah keseluruhan, rekod peningkatan 18.1 peratus kepada RM428.5 juta daripada RM362.8 juta, sekali gus memacu pertumbuhan hasil keseluruhan.

Sehubungan itu, bagi operasi berterusan, LBS mencapai peningkatan 6.1 peratus dalam keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATMI) kepada RM29.3 juta berbanding RM27.6 juta pada suku sama tahun kewangan 2024.

Dari sudut perbandingan suku ke suku tahunan, aktiviti pembangunan yang sedang berjalan dalam projek meningkatkan hasil PATMI kumpulan bagi suku ketiga tahun kewangan 2025 masing-masing 46 peratus dan PATMI 8.1 peratus.

Bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun kewangan ini, LBS mencatatkan PATMI daripada operasi berterusan berjumlah RM84.6 juta dengan hasil RM1.1 bilion.

Prestasi ini didorong terutamanya oleh projek pembangunan yang sedang berjalan termasuk KITA @ Cybersouth, LBS Alam Perdana, Prestige Residence dan projek Idaman.

Permintaan tinggi unit kilang

Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS, Tan Sri Ir Dr Lim Hock San, berkata keputusan kewangan kumpulan disokong oleh momentum jualan yang berterusan.

Beliau berkata, permintaan yang tinggi terhadap unit kilang boleh diubah suai dan separa berkembar di Alam Perdana Industrial Park, jualan memberangsangkan daripada projek kediaman kos mampu milik bertingkat, Idaman Perdana, serta sumbangan signifikan daripada Centrum Iris, sebuah projek pembangunan bercampur, meningkatkan jualan keseluruhan secara ketara.

“Selain daripada jualan yang kukuh, kami terus proaktif dengan memperkenalkan produk industri baharu di Alam Perdana Industrial Park dan berjaya melancarkan KITA Avenue Square, pembangunan komersial pertama di KITA @ Cybersouth, yang menerima sambutan yang menggalakkan.”

“Prospek pertumbuhan jangka panjang kumpulan kekal kukuh melalui projek utama yang bakal dilaksanakan, termasuk perbandingan Kwasa Damansara dan usaha sama dengan Oriental Bhd di Klebang, Melaka bagi pemba-



Projek pembangunan kediaman Centrum Iris LBS di Cameron Highlands.

ngunan industri bercampur bersepadu.

“Inisiatif ini akan memperkukuh kedudukan kumpulan di koridor pertumbuhan utama di seluruh Malaysia. Selain itu, ber-

pandukan Strategi 8 x 8, kami haru-baru ini melupakan sebahagian tanah di Johor bagi meningkatkan nilai aset tersebut dengan lebih baik,” katanya dalam satu kenyataan.



Lim Hock San